

13 MAY 2003

Jerman-Pelancongan/I

PEJABAT PELANCONGAN DI FRANKFURT HARUS LAKUKAN USAHA LEBIH, KATA DUTA JERMAN.

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Pejabat pelancongan Malaysia di Frankfurt, Jerman, harus melakukan usaha yang lebih gigih lagi bagi memasarkan negara di kalangan rakyat Jerman khususnya kepada pelancong, kata Duta Jerman ke Malaysia, Juergen Staks, hari ini.

Terdapat kekurangan pemasaran bagi rakyat Jerman datang ke sini, katanya.

Bercakap pada sidang media selepas lawatan Canselor Jerman Gerhard Schroeder ke Malaysia, beliau berkata Schroeder telah membangkitkan perkara itu dengan perdana menteri dan timbalan perdana menteri.

Schroeder berlepas ke Singapura pagi ini selepas mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia di mana beliau bertemu dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan mengadakan perbincangan dengan para pegawai kerajaan Malaysia.

Staks berkata pihak berkuasa Jerman bersedia membantu pejabat pelancongan Malaysia di Frankfurt dalam sebarang usaha mereka untuk mempromosikan Malaysia.

Katanya syarikat penerbangan kebangsaan negara itu, Lufthansa, telah menghentikan penerbangan ke Malaysia pada tahun 1998 kerana laluan tersebut tidak menguntungkan berikutan jumlah penumpang yang rendah.

Mengenai lawatan Schroeder, Staks berkata kedua-dua pemimpin kerajaan telah mengadakan perbincangan serius dengan sikap terbuka mengenai isu-isu hubungan dua hala dan rakyat Jerman berharap meneruskan "hubungan baik ini".

Katanya, Schroeder juga memberi jemputan kepada Abdullah supaya melawat Jerman dalam masa terdekat ini dan jemputan itu telah diterima semasa pertemuannya dengan timbalan perdana menteri itu.

Staks berkata Jerman berhasrat meneruskan hubungan ekonomi dengan Malaysia di samping mengukuhkan bidang-bidang seperti pemindahan teknologi dan pembangunan sumber manusia.

Katanya, usaha-usaha juga dilakukan bagi meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan di antara kedua buah negara itu.

Menurutnya, kini terdapat 280 pelajar Malaysia di Jerman dan Dr Mahathir berjanji meningkatkan jumlah tersebut.

Katanya, Jerman juga berminat untuk memeterai perjanjian kebudayaan dengan Malaysia sebelum akhir tahun ini tetapi perlu menyelesaikan beberapa masalah sebelum itu.

Mengenai politik antarabangsa, Staks berkata kedua-dua pemimpin negara itu bersetuju supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) harus mengekalkan semula statusnya sebagai badan yang menyelesaikan krisis dan konflik antara negara.

-- BERNAMA

SR AHH DC PR